

MAHATHIR-SAMBUTAN R' R' R'
(1)

DARI REJAL ARBEE
1982

NUKUALOFA, TONGA, 7 JUN (BERNAMA) --PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MALAYSIA BERSETUJU DENGAN PENGGALAKAN KERJASAMA EKONOMI DAN TEKNIKAL DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

BELIAU MENEGASKAN DALAM DUNIA YANG SALING BERGANTUNG, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN PERLU MEMBANTU DAN MENYOKONG ANTARA SATU SAMA LAIN SUPAYA DAPAT BERKONGSI HARTA DARI SEGI SUMBER, PENGALAMAN DAN KEPAKARAN WALAUPUN TERDAPAT PERBEZAAN DALAM KEMAJUAN EKONOMI MASING-MASING.

MALAYSIA MERASA GEMBIRA UNTUK MENYERTAI PROGRAM-PROGRAM KERJASAMA EKONOMI DAN TEKNIKAL YANG BERFAEDAH DAN PRAKTIKAL DENGAN LAIN-LAIN NEGARA.

BERUCAP DI SATU MAJLIS SAMBUTAN TRADISIONAL DAN JAMUAN MAKAN DI PANGAI DI TEPI PANTAI DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA SEDIA MENAWARKAN BANTUAN TEKNIKAL SEBERAPA YANG TERDAYA DALAM BIDANG-BIDANG YANG IA MEMPUNYAI PENGALAMAN DAN KEPAKARAN KEPADA TONGA.

"SAYA PERCAYA TERDAPAT BANYAK BIDANG KERJASAMA ANTARA TONGA DENGAN MALAYSIA DAN USAHA-USAHA HENDAKLAH DIBUAT UNTUK MENTEROKAINYA," UJAR BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TAWARAN ITU, WALAUPUN SEDIKIT BAHAWA PADA MULANYA, SUDAH TENTU AKAN MEMPERKAYAKAN MALAYSIA MELALUI INTERAKSI YANG CERGAS DENGAN RAKYAT TONGA. -- BERGAMBUNG

MAHATHIR-SAMBUTAN 2 NUKUALOFA

PERDANA MENTERI TIBA DI SINI MENGIKUT JADUAL PUKUL 11.15 WAKTU TEMPATAN (PUKUL 6.15 PAGI WAKTU MALAYSIA) DENGAN SEBUAH KAPALTERBANG MAS 737 DARI FIJI DALAM RANGKA LAWATAN KEDUANYA KE TIGA BUAH NEGARA KEPULAUAN PASIFIK SELATAN.

TONGA YANG DISIFATKAN SEBAGAI POLYNESIA LAMA DIANGGAP SEBAGAI NEGARA BERAJA DI PASIFIK YANG TERAKHIR DAN JUGA BUMI DI MANA HARI BERMULA.

IA TERDIRI DARIPADA 170 BUAH PULAU YANG MELIPUTI KAWASAN SELUAS 668 KILOMETER PERSEGI. HANYA 36 BUAH SAHAJA DIDUDUKI YANG TERLETAK ANTARA 173 HINGGA 178 DEGREE GARISPANJANG KE BARAT DAYA FIJI.

DALAM UCAPANNYA SELEPAS MAJLIS JAMUAN ITU YANG DIHADIRI OLEH KING TAUFA'AHU TUPOU KEEMPAT DAN QUEEN HALAEVALU MATA'AO, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN MALAYSIA DAN TONGA DIPISAHKAN OLEH LAUTAN YANG LUAS, "NAMUN JARAK ITU TIDAKLAH TERLALU JAUH ATAU TERLALU SUKAR BAGI KITA BERHUBUNGAN."

KATANYA, KEDUA-DUA NEGARA ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA RANTAU BESAR ASIA-PASIFIK DAN MEMPUNYAI HARAPAN DAN IDEAL YANG SAMA.

"SEBAGAI NEGARA MEMBANGUN YANG KECIL, ADALAH MENJADI HARAPAN DAN MATLAMAT KITA UNTUK MEMAJUKAN LAGI TARAF SOSIO-EKONOMI RAKYAT MASING-MASING DI SAMPING BERUSAHA MEMUPUK KEAMANAN DAN KESTABILAN YANG PERLU BAGI USAHA-USAHA SEUMPAMA ITU," TAMBAH BELIAU. -- BERSAMBUNG 1452/LK

MAHATHIR-SAMBUTAN 3 NUKUALOFA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM MENGAJUKAN SUPAYA DIADAKAN KERJASAMA LEBIH RAPAT ANTARA KEDUA-DUA NEGARA, BELIAU SEDAR TENTANG HAKIKAT BAHAWA SEMANGAT KERANTAUAN KINI SEMAKIN MENEHAL DI PASIFIK SELATAN.

BELIAU GEMBIRA MENDAPATI BAHAWA FORUM PASIFIK SELATAN DAN BIRO PASIFIK SELATAN BAGI KERJASAMA EKONOMI (SPEC) TELAH PUN MENGADAKAN HUBUNGAN DENGAN ASEAN DAN DENGAN DEMIKIAN MENINGKATKAN LAGI HUBUNGAN RANTAUAN YANG DINIKMATI OLEH KEDUA-DUA NEGARA.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN LAWATANNYA BERTUJUAN MEMBAHARUI IKATAN PERSAHABATAN ANTARA KEDUA NEGARA DAN JUGA UNTUK MENGENALI TONGA DENGAN LEBIH DEKAT SERTA MENGETAHUI ASPIRASI, MASALAH DAN MINAT NEGARA ITU.

MENURUTNYA SEJAK TIBA DI PULAU ITU, BELIAU MENDAPATI BANYAK PERSAMAAN ANTARA BAHASA MELAYU DENGAN BAHASA YANG DITUTURKAN OLEH RAKYAT TONGA.

SEBAGAI SEBUAH NEGARA PULAU, TONGA SUDAH TENTU MEMPUYAI MINAT YANG UNIK DAN KEPERLUAN KHAS YANG BELIAU HARAP DAPAT DIKETAHUI DENGAN LEBIH JELAS DALAM RUNDINGANNYA DENGAN PERDANA MENTERI TONGA, PUTERA TU' IPELEHAKE YANG DIJADUALKAN PAGI ESOK SEBELUM BERLEPAS KE SAMOA BARAT.

SEBELUM ITU PUTER TUIPELEHAKE BERKATA KUNJUNGAN ITU MEMBUKA SEJARAH BARU BAGI NEGARANYA KERANA INILAH PERTAMA KALI SEORANG PERDANA MENTERI MALAYSIA MENJEJAKKAN KAKI KE BUMI TONGA.

MENURUTNYA, HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA SELAMA INI TERBATAS KERANA JARAK YANG BEGITU JAUH DAN BELIAU MENYATAKAN PENGHARGAANNYA TERHADAP USAHA DATUK SERI DR. MAHATHIR UNTUK MENGADAKAN HUBUNGAN MUHIBBAH ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARANYA. -- BERSAMBUNG 1511/LK

B563:

MAHATHIR-SAMBUTAN & NUKUALOFA

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH TELAH DISAMBUT OLEH PUTERA TUIPELEHAKE DAN PUTERA MAHKOTA TUPOUTO'A YANG JUGA MENTERI HAL EHWAL LUAR DAN PERTAHANAN SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG FUAAMOTU, KIRA-KIRA 21KM DARI SINI.

PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA KEMUDIAN DITERIMA MENGADAP RAJA DI ISTANA.

SELEPAS ITU DENGAN DIIRINGI OLEH PUTERA MAHKOTA, MEREKA BERJALAN BEBERAPA METER DARI ISTANA KE PANGAI BAGI MENGHADIRI MAJLIS JAMUAN ITU.

MAJLIS ITU DISERIKAN DENGAN TARIAN YANG DIPANGGIL 'LAKALAKA' OLEH KIRA-KIRA 400 ORANG PELAJAR SEKOLAH TINGGI TONGA.

PETANG INI, PERDANA MENTERI MENJADI TETAMU KEHORMAT DI SATU MAJLIS JAMUAN YANG DIBERIKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI TONGA, ENCICK ABRON TUITA.

KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DIBERI SAMBUTAN SELAMA JALAN YANG PENYUSUN ISTIADAT DI LAPANGAN TERBANG NAUSORI, FIJI PAGI TADI. TURUT HADIR DI SITU IALAH PERDANA MENTERI RATU SIR KAMISESE MARA DAN ADI LALAMARA.

ROMBONGAN PERDANA MENTERI MALAYSIA ITU MENAIKI SEBUAH PESAWAT SYARIKAT AIR PACIFIC HINGGA KE SAMAUA SEBELUM MENUKAR PESAWAT. -- BERNAMA 1519/LK